

05/12/1997

(Kalau kail panjang sejengkal)

Mzali

SALAM Joran.

Krisis mata wang yang melanda negara sejak akhir-akhir ini masih belum bertemu noktah walaupun pelbagai usaha dilakukan pemimpin politik termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kejatuhan nilai ringgit berbanding dolar Amerika jelas memberi kesan buruk kepada ekonomi negara dan sehubungan itu rakyat diminta berjimat cermat dan mengurangkan perbelanjaan ke luar negara.

Malah, khabar yang saya dengar sebuah syarikat pengimport peralatan memancing di negara ini mengalami kerugian lebih RM4 juta apabila nilai ringgit jatuh. Syarikat berkenaan terpaksa membayar kos tambahan berikutan barangan yang ditempah tiba selepas kejatuhan nilai ringgit.

Biasalah ... orang berniaga ada untung ada rugi. Tapi jika untung tujuh lapan juta, mereka buat diam sahaja. Kalau boleh jangan ada orang luar yang tahu mengenai keuntungan syarikat mereka.

Tapi apabila rugi, mulalah mereka menggelabah. Cuma jangan pula pemancing yang dijadikan sasaran bagi menampung kerugian itu dengan menaikkan harga barangan lama yang sedia ada di dalam stor mereka. Alasannya ... nilai ringgit jatuh dan barang berkenaan adalah barang import!

Jika inilah caranya, anda bukan seorang patriotik dan andalah orang yang bertanggungjawab mensabotaj ekonomi negara sebagaimana yang dijelaskan Dr Mahathir baru-baru ini.

Pemimpin hanya merancang, rakyat yang menentukan. Jika ada syarikat yang mengambil kesempatan daripada kegawatan ekonomi sekarang dengan menaikkan harga barangan, kita boleh mengatasinya.

Caranya mudah sahaja. Jangan beli barangan daripada syarikat berkenaan kerana banyak lagi syarikat lain yang menjual peralatan memancing. Malah ada rakyat tempatan negara ini yang mahir membuat joran, mata kail, umpan tiruan (rapala) dan pelbagai barangan memancing lain. Kualitinya bagus dan harganya pula murah.

Belilah barangan buatan Malaysia. Selamat memancing.

(END)